

TEKS UCAPAN

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI

TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA DAN

MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

SEMPENA

MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2025

KEMENTERIAN KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH

PADA

2 JANUARI 2025 (KHAMIS) | 8:30 PAGI

LOKASI

DEWAN SRI LESTARI, ARAS B1

KKDW

Terima kasih saudara/saudari pengacara majlis.

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani.

SALUTASI

(Akan disediakan pada hari program)

MUKADDIMAH

1. Setahun yang lalu, saya membuka tirai amanat tahun 2024 dengan menyatakan:

   "Kita mesti mencipta sesuatu di luar kebiasaan. Kita tidak boleh selesa dengan yang rutin, dan kita mestilah keluar daripada *kepompong keselesaan"*

2. Alhamdulillah, rentetan amanat tersebut, kita di KKDW telah bersama-sama mengatur langkah, menyusun strategi, dan mencipta pelbagai *game-changer* untuk menjana perubahan, menghasilkan idea baharu, dan memastikan kejayaan dicapai. Hasilnya, KKDW kini menjadi antara Kementerian terbaik dalam melaksanakan amanah rakyat.

3. Sebagai bukti, KKDW berjaya memperoleh **tempat kedua bagi Anugerah Penilaian *Outcome* Kementerian Berprestasi Tinggi** tahun lalu.

4. Kita terus unggul membangunkan ekonomi berasaskan komuniti melalui **Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung (PROSPEK**) **dan Program Desa Lestari** dengan membelanjakan **sebanyak RM 33 juta** dan memangkin taraf kehidupan **lebih 6,228 penduduk desa**.

5. Kita terus berjaya meningkatkan sumber pendapatan masyarakat desa melalui **Program Pendigitalan Usahawan Desa**, yang memberi manfaat kepada **3,034 individu** - mencatat peningkatan **138% melebihi sasaran awal.** Kejayaan ini turut diperkukuhkan dengan pengukuhan aktiviti perniagaan di premis **MARA**, yang kini menyumbang kepada **nilai jualan sebanyak RM1.77 bilion** dan mencipta hampir **15,000 peluang pekerjaan.**

6. Bila berbicara tentang pendidikan di desa pula, kita telah mengilhamkan **Program Pra-Tahfiz KEMAS** yang bakal melahirkan **52,296 huffaz cilik** yang mahir dalam pengajian Al-Quran dan pengajian Islam. Pada masa yang sama, kita turut berbangga dengan kejayaan **JAKOA** yang mencatatkan peningkatan signifikan, apabila **420 pelajar Orang Asli berjaya melanjutkan pengajian ke universiti.**

7. Ia turut disokong oleh kejayaan **Program TVET Teknopreneur**, yang memperkenalkan nilai baharu dalam pembangunan usahawan dengan melahirkan **1,486 graduan.** Selain itu, **Program TVET MARA** juga berjaya menghasilkan lebih daripada **808,000 modal insan berkemahiran** dalam pelbagai

bidang - menyumbang kepada pembangunan tenaga kerja negara yang kompeten dan berkualiti.

8. Kalau kita lihat dari aspek kewangan pula, **Kumpulan RISDA** mencatatkan prestasi kewangan sebanyak **RM70 juta** manakala **FELCRA Berhad** mencatatkan peningkatan keuntungan sebanyak **168% dengan pengagihan berjumlah RM129 juta** kepada **hampir 68,000 peserta**.

9. Sememangnya banyak kejayaan yang telah kita capai bersama, sama ada di Kementerian, Agensi mahupun Lembaga Kemajuan Wilayah. *But we should always aim for more and never settle – because success is not a destination, but a journey without an end.*

Dari Rutin ke Revolusi : Budaya Pemikiran Strategik dalam KKDW

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Hari ini, kita berada dalam era penuh cabaran dan perubahan. Untuk terus maju, kita perlu melangkaui kebiasaan dan mengutamakan inovasi dalam rutin harian.

11. Kuncinya adalah **pemikiran strategik** – di mana kita boleh melihat gambaran besar, menganalisis situasi, menjangka risiko, dan merangka penyelesaian yang berkesan. Kita tidak lagi boleh sekadar bertindak balas, tetapi mesti merancang lebih awal dengan bersedia menghadapi apa jua cabaran mendatang dan merebut segala peluang.

12. Mengapa saya tekankan **pemikiran strategik** ini? Kerana sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab membentuk masa depan masyarakat desa, konsep ini membantu kita untuk kekal fokus, strategik dalam pelaksanaan, dan lebih mudah beradaptasi terhadap perubahan.

13. Kalau sebelum ini kita melaksanakan pertemuan strategik dan libat urus bersama agensi serta anak syarikat. Kini, tiba masanya untuk memacu **pemikiran strategik** ini bagi memastikan hasil kerja kita lebih terselaras dan memberi impak yang lebih tinggi.

14. Justeru, tahun ini saya mahu kita **menjalinkan kerjasama strategik yang lebih kukuh melalui pendekatan cross-functional** yang pernah saya sebutkan. Kita perlu mengumpulkan seluruh kekuatan setiap organisasi yang mempunyai pelbagai kemahiran dan pengalaman untuk mencapai satu matlamat. Pendekatan ini akan dilaksanakan melalui **tiga kluster utama**:

i. **Pertama, Kluster Modal Insan.** Kita selaraskan peranan institusi seperti JAKOA, KEMAS, MARA, INFRA, dan Lembaga Kemajuan Wilayah (LKW) dalam bidang pendidikan, latihan kemahiran, dan pembangunan kapasiti masyarakat desa, termasuk TVET. Dengan tambahan kekuatan 15,449 JPKK/JPKK di bawah Bahagian Komuniti Desa, 276 JPKKOA, dan 624 Batin/Penghulu, serta kerjasama *our partners* seperti FELDA dan Majlis TVET Negara - saya yakin kita mampu mencipta impak besar dalam sektor pendidikan negara.

ii. **Kedua, Kluster Ekonomi.** Kluster ini akan fokus kepada pembangunan ekonomi, pembasmian kemiskinan, pengukuhan infrastruktur, dan peningkatan pendapatan masyarakat desa. Contohnya, kita gabungkan kekuatan MARA Corp dan anak-anak syarikat LKW dalam pembangunan hartanah dan pelaburan, dengan FELCRA yang mengurus lebih 230,000 hektar tanah. Percayalah, jika semua ini dapat disepadukan - kita mampu mencipta satu lagi *game-changer* yang dapat mengubah lanskap ekonomi masyarakat desa.

iii. **Ketiga, Kluster Usahawan.** Kluster ini memberi tumpuan kepada usaha membimbing dan menyokong usahawan luar bandar untuk menjadi lebih berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa. Melalui Program **Gate to Global** di bawah MARA contohnya, ia telah membawa **lebih 765 usahawan Bumiputera** memasarkan produk mereka ke luar negara dan berjaya menghasilkan **potensi jualan sebanyak RM377.7 juta**. Bayangkan jika kekuatan ini diselaraskan dengan usahawan di bawah agensi lain - hasilnya pasti jauh lebih besar dan memberi impak yang luar biasa.

15. Insya-Allah, saya yakin jika kita dapat mengadaptasi **pemikiran strategik melalui pendekatan cross-functional** ini, kita bukan sahaja mampu mengelakkan pertindihan peranan dan meningkatkan kecekapan - tetapi juga dapat mengoptimumkan penggunaan sumber yang terhad dengan lebih efektif.

Teknologi Sebagai Pemacu Kecemerlangan dan Kemampanan Desa

Hadirin dan hadirat sekalian,

16. Satu perkara penting yang ingin saya tekankan adalah **penggunaan teknologi, pendigitalan, dan inovasi** sebagai langkah untuk meningkatkan taraf hidup masyarakat desa. Langkah ini mampu meningkatkan kecekapan, ketelusan, dan kadar responsif perkhidmatan awam kepada kumpulan sasar. Saya mahu inisiatif ini terus diperkukuhkan contohnya :

i. **Dashboard KKDW** – mesti menjadi mekanisme penting untuk memantau dan menilai prestasi kita secara langsung. *Dashboard* ini perlu memaparkan status projek pembangunan luar bandar secara menyeluruh sekaligus memastikan pelaksanaan projek dan program sentiasa berada di landasan yang betul.
ii. Kemudian, **Bank Data** – hendaklah menjadi sebuah pangkalan data untuk merekodkan pencapaian dan kisah kejayaan Kementerian. Ia boleh menjadi rujukan penting untuk amalan terbaik dan panduan perancangan masa depan.
iii. Seterusnya, **Mapping atau Pemetaan** – Sebuah peta digital interaktif yang memaparkan projek dan program KKDW, termasuk pemberian bantuan serta pelaksanaan jalan, bekalan air, dan elektrik kepada masyarakat desa. *Mapping* membolehkan kita lebih fokus dan strategik dengan memberi keutamaan kepada kawasan yang benar-benar memerlukan. Ia juga membantu mengelakkan pemberian bantuan yang

berulang di kawasan yang sama serta memastikan agihan yang lebih adil dan efektif.

17. *Technology is not just a tool - it is the bridge that connects innovation to progress and transforms potential into reality.* Kita tiada pilihan selain memanfaatkannya untuk membawa KKDW ke tahap lebih tinggi dan melahirkan masyarakat desa yang mampan dan berdaya saing.

Mengukur Kepuasan Rakyat: Membentuk Pelan Strategik Mampan

Hadirin dan hadirat sekalian,

18. Kejujuran adalah asas utama dalam menilai pencapaian kerana *honesty is the best policy.* Kita mesti berani menerima hakikat, mengakui kelemahan, dan memperbaiki apa jua kesilapan. **KPI yang kita tetapkan saban tahun mestilah berpandukan kepada kepuasan rakyat** - kerana kita semua ini berkhidmat untuk mereka, untuk masa hadapan mereka.

19. Kini, kita berada di fasa terakhir RMKe-12. Segala yang telah dilaksanakan perlu diukur untuk menilai pencapaian, mengenal pasti jurang, dan memperbaiki kelemahan dalam perkhidmatan kepada masyarakat desa. Pada masa yang sama, kita sedang menuju ke RMKe-13, yang pastinya memerlukan perancangan yang lebih berani dan radikal.

20. Sehubungan itu, **Pelan Tindakan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 (DPLB 2030)** dan **Pelan Strategik**

Kementerian 2025 perlu disemak semula agar selari dengan fokus RMKe-13. Jangan seperti *melepaskan batuk di tangga* tetapi kita perlu benar-benar memastikan kita berada di laluan yang tepat untuk membangunkan masyarakat desa.

21. Selain penilaian dalaman, Kementerian harus bekerjasama dengan badan penyelidikan pihak ketiga yang bebas untuk memastikan penilaian program dan inisiatif dibuat secara objektif. Untuk lebih memahami maklum balas rakyat, **saya ingin mengarahkan UniKL bagi menjalankan kajian menyeluruh mengenai tahap kepuasan rakyat** terhadap penyediaan keperluan asas, kemudahan asas, dan usaha memangkin sosioekonomi kawasan pedesaan. Dapatan ini sangat penting untuk memastikan perancangan kita kekal relevan dan *more impactful.*

PENUTUP

Hadirin dan hadirat sekalian,

22. *"Seutas lidi mudah dipatahkan,* tetapi *seberkas lidi sukar dileraikan".* Pasukan yang hebat bukan kerana individu yang kuat, tetapi kerana individu saling menguatkan. Inilah asas kekuatan kita.

23. Fokus kita bersama adalah untuk menghasilkan *output dan outcome* yang melangkaui kebiasaan. Jangan sesekali kita leka dengan isu-isu kecil yang boleh menjejaskan matlamat besar yang kita perjuangkan bersama.

24. **InsyaAllah, pada 17 hingga 19 Januari nanti, kita akan berkumpul sekali lagi untuk berbincang secara mendalam dan melahirkan lebih banyak idea segar.** Marilah kita bersama-sama menjadikan tahun 2025 sebagai tahun yang lebih gemilang daripada tahun-tahun sebelumnya.

25. Semoga usaha kita dipermudahkan oleh Allah SWT dan diberkati dengan kejayaan yang membawa manfaat besar kepada masyarakat desa.

Sekian, wabillahitaufikwalhidayah. Wassalamualaikum warahmatullahiwabarokatuh.